



POLITEKNIK BALIK PULAU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Pinang Nirai Mukim E
11000 Balik Pulau
Pulau Pinang
MALAYSIA



Tel : 04-868 9000
Faks : 04-869 2061
Laman Sesawang : pbu.mypolycc.edu.my
Facebook : Politeknik Balik Pulau

Rujukan Kami : PBU/PTD/10/05/1 JLD.4(7)
Tarikh : 9 Julai 2024

PARA GRADUAN POLITEKNIK BALIK PULAU

Saudara/Saudari,

JEMPUTAN KE MAJLIS KONVOKESYEN POLITEKNIK BALIK PULAU Ke-12 TAHUN 2024

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Tahniah dan syabas diucapkan kepada saudara/saudari kerana dengan jayanya telah menamatkan pengajian dan bakal menerima segulung diploma sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Balik Pulau Ke-12 yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	:	16 Ogos 2024 (Jumaat)
Masa	:	8.00 pagi – 1.00 tengah hari
Tempat	:	Dewan Seri Mutiara, Politeknik Seberang Perai (PSP)
Sesi	:	Sidang 5

3. Sehubungan dengan itu, saudara/saudari perlu merujuk ke laman sesawang <https://heppbu.com/konvokesyen/> bagi mendapatkan maklumat berkaitan garis panduan yang telah ditetapkan. Bagi melancarkan perjalanan majlis konvokesyen, para graduan **wajib** menghadiri **raptai majlis konvokesyen** yang akan diadakan pada **15 Ogos 2024 (Khamis)** dan perlu berada di Politeknik Seberang Perai seawal jam **2.00 petang**.
4. Politeknik Balik Pulau amat mengalu-alukan kehadiran saudara/saudari ke Majlis Konvokesyen Ke-12 ini dan mengucapkan “Selamat Bergraduati” serta “Selamat Maju Jaya” dalam segala bidang yang diceburi. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai.

Sekian. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. HAJAH SALMI BINTI CHE MEH) (B.C.N.)

Pengarah
Politeknik Balik Pulau
Pulau Pinang